

07 AUG 2000

Hutan/I

JANGAN AMBIL LEBIH DARIPADA ALAM SEMULA JADI

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Manusia tidak boleh mengambil lebih daripada apa yang boleh alam semula jadi boleh gantikan, Kongres Sedunia Ke-21 Kesatuan Antarabangsa Pertubuhan Penyelidikan Perhutanan (IUFRO) diberitahu hari ini.

Tan Sri Razali Ismail, Penasihat Khas kepada Perdana Menteri, berkata setiap manusia, sebagai sebahagian daripada dunia ini, mempunyai peranan dalam mengekalkan sumber semula jadi di bumi ini, sama ada ianya hutan, kayu, air atau hidupan liar.

"Setiap seorang daripada kita, sama ada dari negara miskin, membangun dan kaya...kita semua mahu melihat kualiti hidup manusia bertambah baik dan pada masa yang sama memulihara kecergasan dan kepelbagaian buminya, hutannya, makhluknya dan kapasiti mapannya.

"Kita tidak mempunyai pilihan tetapi untuk hidup secara mapan. Ia bermakna hidup secara harmoni dengan orang lain dan alam semula jadi," katanya dalam ucaptamanya pada kongres itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berucap pada 2,300 saintis dan penyelidik dari lebih 90 negara yang menghadiri kongres enam hari itu, Razali berkata terdapat keperluan untuk membangunkan etika penjagaan peringkat global, kebangsaan dan individu.

Beliau berkata semua negara boleh mendapat manfaat daripada kemapanan seluruh dunia, atau akan diancam jika mereka gagal.

Kemapanan, katanya, secara mudahnya bermakna jika sesuatu aktiviti itu adalah mapan, ia akan berterusan selamanya dan berdasarkan asas itu "kita pastinya tidak boleh berkata kita menguruskan dan memanfaatkan sumber hutan kita secara mapan, walaupun dengan menggunakan definisi paling mudah".

Razali berkata pengurusan hutan mapan boleh dicapai dengan merancang peruntukan tanah bagi tujuan berlainan, mewujudkan sistem menyeluruh bagi hutan simpan semula jadi dan meningkatkan kawasan bagi menanam hutan.

"Tindakan terakhir ialah dengan meningkatkan kapasiti nasional untuk mengurus hutan mapan," katanya.

Razali berkata tindakan akhir bagi mencapai pengurusan hutan mapan ialah dengan melibatkan masyarakat yang tinggal dalam dan berhampiran hutan dalam keputusan mengenai pemuliharaan dan pembangunan.

"Jika kaedah bagi kemapanan adalah begitu mudah dan senang dipenuhi, kenapa kita masih belum mencapainya? Apa yang silap?" katanya.

Mengambil industri pembalakan sebagai contoh, beliau berkata selalunya hanya sedikit individu, kebanyakannya dalam kumpulan berpendapatan tinggi, mendapat konsesi pembalakan dan kekayaan negeri, yang sebenarnya milik orang ramai, yang diberikan kepada beberapa individu berkenaan.

"Apa yang rakyat dapat -- hutan yang musnah, pemburuan dan buah-buahan dan produk lain yang berkurangan, sungai semakin cetek, air berlumpur dan lain-lain lagi.

"Kenapa masyarakat harus menanggung masalah sosial itu manakala mereka yang mencemarnya mendapat banyak keuntungan dan rakyat menderita," katanya.

Razali berkata negara-negara maju adalah hipokrit kerana membantah mengenai kerugian dan kemusnahan hutan tropika di seluruh dunia, kononnya hutan tropika milik masyarakat global tetapi mereka membisu mengenai siapa yang harus bayar bagi kos peluang sekiranya hutan tidak diganggu.

Razali, yang merupakan Wakil Khas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke Myanmar, berkata negara-negara perindustrian, daripada menghukum negara-negara tropika dengan memboikot balak, sepatutnya menghargai hutan tropika dan mencari jalan untuk membayar bagi pemuliharaan mereka.

-- BERNAMA

MNY ZS RHM MAI

